

**SOALAN LAZIM PROMOSI SELURUH NEGARA**  
**NESTLÉ LACTOGROW PERADUAN IMPIAN SI MANJA**  
**1 SEPTEMBER 2024 – 31 OKTOBER 2024**

**NOTIS PENTING:**

Kami percaya bahawa penyusuan susu ibu adalah nutrisi terbaik untuk bayi dan kami menyokong penuh saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia bahawa semua ibu digalakkan menyusui anaknya dengan susu ibu sahaja dari lahir sehingga berumur 6 bulan dan meneruskannya sehingga mencapai umur 2 tahun. Makanan pelengkap berkhasiat perlu diberikan mulai umur 6 bulan. LACTOGROW® Aktif 1-3 tahun, LACTOGROW® Aktif 4-6 tahun, LACTOGROW® PROBIO 3, LACTOGROW® PROBIO 4 Susu Tepung Rumusan Untuk Kanak kanak 1 tahun dan ke atas , bukan pengganti susu ibu. Sila dapatkan nasihat profesional kesihatan berkenaan pemakanan anak anda dan untuk menggunakan produk ini.

CERELAC® bukan untuk diberikan kepada bayi di bawah umur 6 bulan melainkan jika dinasihati oleh profesional kesihatan.

Untuk kesihatan bayi yang optima, penyusuan susu ibu perlu diteruskan sehingga umur 2 tahun di samping memberi makanan pelengkap.

**S1: Bagaimana untuk menyertai?**

J: **LANGKAH 1:** Untuk menyertai Promosi, beli minima Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) mana-mana Produk dalam satu resit asal daripada mana-mana outlet dalam kedai dan/atau tangkapan skrin invois daripada mana-mana peniaga dalam talian semasa Tempoh Promosi.

Produk yang turut serta adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

- a. LACTOGROW® Aktif 1-3 Tahun 850g
- b. LACTOGROW® Aktif 4-6 Tahun 850g
- c. LACTOGROW® PROBIO 3 (semua saiz pek)
- d. LACTOGROW® PROBIO 4 (semua saiz pek)
- e. CERELAC (semua varian)

**LANGKAH 2:** Layari Laman Web Promosi di: <https://nes.tl/beli-dan-menang-24> atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di Outlet yang turut serta dan lengkapkan Borang Web. Isikan semua butiran peribadi (“Butiran Peribadi”) yang diperlukan termasuk nombor mudah alih berdaftar di Malaysia yang serasi dengan WhatsApp untuk komunikasi selanjutnya.

**LANGKAH 3:** Tangkap satu (1) gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png Bukti Pembelian lengkap dengan butiran yang diperlukan. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Bukti Pembelian sahaja dan fail Imej mestilah kurang daripada 5MB. Muat naik Imej pada Borang Web dan klik ‘hantar’. Penganjur akan menghantar mesej perakuan autobalas untuk setiap Penyertaan yang diterima.

Resit Outlet di dalam kedai: Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem *point-of-sale* dan/atau resit bertulis untuk pembelian outlet di dalam kedai. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk, nombor Resit dan nama dan/atau logo outlet.

Invois Peniaga Dalam Talian: Invois boleh didapati berupa tangkapan skrin invois untuk pembelian dalam talian daripada mana-mana peniaga dalam talian. Invois mesti mengandungi nama dan/atau logo outlet turut serta dalam talian di mana pembelian dalam talian dibuat. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau rebat dan/atau baucar diskauan dan/atau baucar penghantaran dan/atau lain-lain diskauan, jumlah pembayaran akhir Produk mestilah jumlah Pembelian Minima dan ke atas untuk layak. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor pesanan dan/atau invois, dan nama dan/atau logo peniaga dalam talian.

Penganjur akan memproses semua Penyertaan yang diterima. Penyertaan yang tidak lengkap, Produk Turut Serta yang salah dan dengan Imej yang tidak jelas akan dibatalkan.

Penganjur berhak untuk meminta salinan cetak Bukti Pembelian asal sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Bukti Pembelian asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan.

**S2: Berapakah umur penyertaan dan kelayakan?**

J: Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.

**S3: Bolehkah saya menghantar lebih daripada 1 penyertaan?**

J: Ya, anda boleh menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan. Walau bagaimanapun, sila maklum bahawa setiap Resit hanya layak untuk satu (1) penyerahan penyertaan.

Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana penyertaan dengan resit/invois yang dicetak semula dan/atau resit/invois pendua dan/atau mengandungi lebih daripada satu (1) resit/invois.

**S4: Adakah saya akan menerima pemberitahuan selepas saya menyerahkan penyertaan saya?**

J: Ya, Penganjur akan menghantar mesej perakuan autobalas untuk setiap Penyertaan yang diterima.

**S5: Apakah tempoh Promosi dan tarikh akhir penyertaan?**

J: Promosi bermula jam 00:00:00 pada 01/09/2024 dan ditutup jam 23:59:59 pada 31/10/2024.

Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 31/10/2024. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.

**S6: Adakah saya akan dimaklumkan jika penyertaan saya telah dibatalkan?**

J: Anda tidak akan dimaklumkan sekiranya penyertaan anda telah dibatalkan.

**S7: Apakah hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini?**

J: Terdapat 13 Hadiah-hadiah Utama yang akan dimenangi pada akhir Tempoh Promosi.

- i. Satu (1) Hadiah Utama yang terdiri daripada jumlah tunai RM20,000 untuk dikreditkan ke dalam Akaun Maybank / Deposit Islamik Maybank / Pelaburan Maybank pilihan Pemenang.
- ii. Satu (1) Hadiah Kedua yang terdiri daripada jumlah tunai RM10,000 untuk dikreditkan ke dalam Akaun Maybank / Deposit Islamik Maybank / Pelaburan Maybank pilihan Pemenang.
- iii. Satu (1) Hadiah Ketiga yang terdiri daripada jumlah tunai RM5,000 untuk dikreditkan ke dalam Akaun Maybank / Deposit Islamik Maybank / Pelaburan Maybank pilihan Pemenang.

- iv. Sepuluh (10) Hadiah Sagu Hati yang terdiri daripada jumlah tunai RM1,000 untuk dikreditkan ke dalam Akaun Maybank / Deposit Islamik Maybank / Pelaburan Maybank pilihan Pemenang.

Semua hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam mana-mana Akaun Maybank / Deposit Islamik Maybank / Pelaburan Maybank berikut yang dibuka atau akan dibuka oleh Pemenang dan tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal akaun tersebut. Sebarang caj tambahan, kos dan/atau yuran yang dikenakan oleh Maybank untuk membuka akaun tersebut hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

**S8: Adakah saya akan dihubungi sekiranya penyertaan saya telah dipilih sebagai Finalis?**

- J: Pengajur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp dari **6018 322 2155** ke nombor mudah alih yang diterima oleh Pengajur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Pengajur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Pengajur dalam masa yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Pengajur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi melalui WhatsApp atas apa jua sebab.

**S9: Apakah peraduan eksklusif untuk promosi ini?**

- J. Peserta dengan pembelian dari mana-mana kedai dalam outlet eksklusif yang disenaraikan di bawah, semasa Tempoh Promosi juga akan berpeluang memenangi hadiah tambahan.
- i. AEON
  - ii. AEON BIG
  - iii. BILLION
  - iv. ECONSAVE
  - v. GIANT
  - vi. LOTUS'S
  - vii. MANJAKU

<b>HADIAH TAMBAHAN OUTLET EKSKLUSIF UNTUK DIMENANGI*</b>
<b>AEON</b>

<b>HADIAH EKSKLUSIF</b>	Lima Puluh (50) Hadiah Eksklusif	Samsonite Sammies Dream bernilai RM569 setiap satu.
<b>AEON BIG</b>		
<b>HADIAH MINGGUAN</b>	Empat Puluh (40) Hadiah Mingguan X 9 Minggu	Baucar AEON BIG bernilai RM20 setiap satu.
<b>BILLION</b>		
<b>HADIAH MINGGUAN</b>	Sepuluh (10) Hadiah Mingguan X 9 Minggu	Baucar BILLION bernilai RM100 setiap satu.
<b>ECONSAVE</b>		
<b>HADIAH UTAMA</b>	Sepuluh (10) Hadiah Utama	XIAOMI BHR6365EN Robot Vacuum X10+ bernilai RM2,399 setiap satu.
	Lima (5) Hadiah Kedua	PHILIPS AMF765/30 2-In-1 Air Purifier and Fan 7000 Series bernilai RM1,699 setiap satu.
	Tiga (3) Hadiah Ketiga	PHILIPS HD9280/91 Daily Collection Digital Airfryer 1.2kg bernilai RM549 setiap satu.
<b>GIANT</b>		
<b>HADIAH MINGGUAN</b>	Lima Belas (15) Hadiah Mingguan X 9 Minggu	PIN Tambah Nilai eWallet Touch 'n Go bernilai RM50 setiap satu.
<b>LOTUS'S</b>		
<b>HADIAH MINGGUAN</b>	Satu (1) Hadiah Mingguan X 9 Minggu	Baucar LOTUS'S bernilai RM500 setiap satu.
<b>HADIAH UTAMA</b>	Satu (1) Hadiah Utama	Kerusi Urut OSIM uDeluxe Max bernilai RM8,000 setiap satu.
	Empat (4) Hadiah Sagu Hati	Staycation Taman Tema Keluarga 2H1M Sunway Lost World of Tambun untuk 4 orang bernilai RM2,000 setiap satu.
<b>MANJAKU</b>		
<b>HADIAH MINGGUAN</b>	Sepuluh (10) Hadiah Mingguan X 9 Minggu	Baucar MANJAKU bernilai RM100 setiap satu.
<b>HADIAH UTAMA</b>	Sepuluh (10) Hadiah Utama	Pas Tahunan Sunway Lagoon untuk 3 orang bernilai RM1,500 setiap satu.

\* Tertakluk kepada Terma dan Syarat Promosi.

**Untuk Hadiah-hadiah Mingguan, tempoh mingguan adalah seperti berikut:**

- Minggu 1: 01/09/2024 – 07/09/2024

- Minggu 2: 08/09/2024 – 14/09/2024
- Minggu 3: 15/09/2024 – 21/09/2024
- Minggu 4: 22/09/2024 – 28/09/2024
- Minggu 5: 29/09/2024 – 05/10/2024
- Minggu 6: 06/10/2024 – 12/10/2024
- Minggu 7: 13/10/2024 – 19/10/2024
- Minggu 8: 20/10/2024 – 26/10/2024
- Minggu 9: 27/10/2024 – 31/10/2024

**S10. Berapa banyak hadiah yang boleh saya menangi sepanjang tempoh promosi?**

J: Setiap peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi:

- i. satu (1) Hadiah Utama dengan nilai tertinggi,
- ii. satu (1) Hadiah Eksklusif Outlet Eksklusif AEON,
- iii. satu (1) Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif AEON BIG,
- iv. satu (1) Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif BILION,
- v. satu (1) Hadiah Utama Outlet Eksklusif ECONSAVE dengan nilai tertinggi,
- vi. satu (1) Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif GIANT,
- vii. satu (1) Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif LOTUS'S,
- viii. satu (1) Hadiah Utama Outlet Eksklusif LOTUS dengan nilai tertinggi,
- ix. satu (1) Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif MANJAKU, dan
- x. satu (1) Hadiah Utama Outlet Eksklusif MANJAKU.

**S11: Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai promosi ini?**

J: Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai promosi di:

<https://www.startwell.nestle.com.my/promotions/peraduan-impian>

<https://nes.tl/beli-dan-menang-24>

**S12: Dimanakah pemenang untuk promosi ini akan diumumkan?**

J: Pengajur akan mengumumkan keputusan promosi ini di halaman dalam talian berikut:

<https://www.startwell.nestle.com.my/promotions/peraduan-impian>

**S13: Bilakah pemenang akan menerima hadiah?**

J: Semua hadiah akan dihantar ke alamat yang diterima Pengajur dalam Penyertaan dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi.

**S14: Siapa yang boleh saya hubungi untuk maklumat lanjut?**

J: Anda boleh hubungi talian Khidmat Pengguna Nestlé: 1-800-88-3433 untuk sebarang bantuan yang diperlukan.

**NOTA:**

**Pengguna digalakkan untuk menyemak dan membaca Terma & Syarat Promosi secara berkala di laman web untuk sebarang syarat tambahan seperti yang dinyatakan di bawah:**

**Terma & Syarat Promosi:**

- 1.2 Pengajur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).